

Headline	Minta TNB jadi lebih pemurah		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	23 Apr 2016	Readership	837,000
Circulation	279,000	Page No	37
Section	Nasional	Journalist	N/A
ArticleSize	291 cm ²		
PR Value	RM 12,768		



Minta TNB jadi lebih 'pemurah'

Pemuda Umno, MBM percaya rakyat akan hormati syarikat korporat itu jika setuju beri rebat khas elektrik

KUALA LUMPUR - Pemuda Umno berpendapat Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan lebih dihormati rakyat jika mereka menjadi syarikat korporat yang pemurah dengan memberikan rebat khas berikutkan fenomena El-Nino.

Exconya, Sheikh Nafiq Alfridous Sheikh And Rahman berkata, pelaksanaan rebat khas itu mungkin boleh dikategorikan sebagai tanggungjawab sosial korporat paling terbaik oleh TNB kerana ia meliputi keseluruhan penggunaannya.

Menurut beliau, cadangan yang diutarakan oleh Naib Ketua Pemuda, Khairul Azwan Harun mengenai rebat khas TNB amat tepat pada masanya ketika rakyat terpaksa menggunakan elektrik lebih dari kebiasaan kerana cuaca panas.

"Saya menyokong se-penuhnya cadangan rebat

khas itu dan jika TNB mampu melaksanakannya saya pasti rakyat negara ini akan lebih menghargai sumbangan syarikat korporat itu."

"Sebarang bantuan yang

dihulurkan ketika rakyat dihimpit dengan pelbagai tekanan kos hidup lain pasti akan memberi banyak kelegaan kepada mereka termasuk rebat khas ini," katanya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian*, semalam.

Sheikh Nafiq yang juga Pengerusi Biro Aduan Komuniti Pemuda Umno berkata, sudah tiba masanya TNB menunjukkan keikhlasan mereka sebagai entiti utama pembekal tenaga elektrik yang tidak hanya mengejar keuntungan semata-mata.

Menurutnya, kenaikan bil elektrik itu secara majoriti bukan kerana silap negatif pengguna tetapi lebih didorong oleh faktor cuaca semasa.

"Bil naik sebab kita terpaksa guna lebih elektrik kerana cuaca terlalu panas dan bukannya sebab membazir.

"Situasi El-Nino bukan ciptaan manusia tetapi fenomena alam dan ketentuan ilahi," katanya.

Sementara itu, Majlis Belia Malaysia turut me-

nyambut baik cadangan daripada Khairul Azwan yang dilihat sebagai langkah syarikat korporat mengutamakan kebajikan penggunanya termasuk golongan belia.

Presidennya, Mua'amar Ghadafi Jamal Jamaluddin berkata, kelompok belia berpendapat sederhana dan rendah pasti akan merasa bebanan bila bil elektrik mereka tinggi akibat penggunaan tenaga lebih dari kebiasaan.

Menurut beliau, dengan kenaikan kos sara hidup sejak kebelakangan ini, peningkatan sedikit perbelanjaan bulanan pasti akan memberi kesan kepada keseluruhan sumber kewangan mereka.

"MBM menyokong penuh cadangan daripada Pemuda Umno agar TNB mempertimbangkan pemberian rebat khas elektrik itu kerana ia bakal membantu meringankan beban pengguna lebih-lebih lagi orang muda yang baru muhul mulakan kehidupan."

"Bagi MBM, mungkin TNB akan melihat angka ke-

untungan mereka akan terjejas sedikit jika diberikan rebat khas ini namun daripada sudut lain syarikat pembekal utama elektrik itu akan menerima penghargaan tinggi

daripada pengguna dan rakyat atas 'kemurahan hati mereka,' kata.

Jelas Mua'amar Ghadafi lagi, pihak kerajaan juga mungkin boleh memainkan peranan untuk memberi pandangan terbaik kepada TNB dalam cadangan pemberian rebat khas ini dalam konteks Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

"TNB dan kerajaan dalam dua pihak yang saling berkait antara satu sama lain, jadi jika kedua-dua pihak ini mampu memberikan bantuan terbaik kepada rakyat, pastinya rakyat akan berterima kasih."

"Slogan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' memberi seribu satu makna kepada seluruh masyarakat yang menjadi pengguna utama TNB dan tulang belakang kerajaan," katanya.



SHEIKH NAFIQ



MUA'AMAR GHADAFI